

16/11/1997

Tolak pelabur kejar untung sahaja: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ridzuan Yeop

LANGKAWI: Negara serantau perlu menjauhi pelabur asing yang membuat pelaburan semata-mata untuk mengaut keuntungan diri sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelabur seumpama itu patut dihalang daripada membuat pelaburan. Jika dibenarkan sekalipun, ia hendaklah dibataskan. Sumber dana mereka juga hendaklah dikaji secara teliti.

Beliau berkata, pelabur terbabit tidak mengamalkan konsep perkongsian pintar dan tidak memiliki pandangan jangka panjang, sebaliknya melabur semata-mata untuk mengaut keuntungan tanpa memikirkan negara tempat mereka melabur.

"Mereka hanya melabur dalam pasaran saham yang boleh dilabur dan dikeluarkan. Sejurus nilainya meningkat, pelaburan itu dikeluarkan dengan mengaut keuntungan.

"Perkongsian sedemikian tidak bijak dan ia adalah satu eksploitasi. Keadaan ini perlu dielakkan dan jika dibenarkan, ia harus dihadkan manakala sumber dana pula perlu dikaji secara teliti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap utama bertajuk 'Perkongsian Bijak Menjelang Alaf Akan Datang' pada Sidang Kemuncak Persefahaman Serantau Asia-Kyushu keempat di sini, semalam.

Sidang itu dihadiri 23 ketua wilayah dari tujuh negara, iaitu Jepun, Thailand, Vietnam, Filipina, Korea Selatan, Indonesia, China serta Kedah mewakili Malaysia.

Dr Mahathir berkata, ada juga pelaburan lain yang tidak mempunyai konsep perkongsian pintar, walaupun ia menggiatkan ekonomi dan mencetuskan kakayaan segera.

"Perkongsian pintar sepatutnya membabitkan pelaburan yang tidak mudah cair bagi memastikan keuntungan. Ia perlu serius, berjangka panjang, terbuka dan mengambil kira pengeluaran barangan dan perkhidmatan," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, perkongsian Malaysia dengan pelabur asing, kebanyakannya dari Jepun, boleh dianggap bijak kerana menguntungkan kedua-dua pihak.

Menurutnya, Malaysia adalah contoh sempurna mengenai perkongsian pintar antara pelabur asing dengan negara penerima pelaburan.

Beliau juga berkata, masalah yang dihadapi negara Asia Tenggara sekarang ialah berpunca daripada sikap tamak rakan kongsi yang bertindak mengaut semua keuntungan untuk dirinya dengan memiskinkan rakan kongsi.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu Sidang Kemuncak Asia-Kyushu membuktikan kepada dunia mengenai kerjasama serantau sebenar dan konsep perkongsian pintar tulen.

"Tunjukkan kepada mereka bahawa perkara penting dalam perkongsian pintar ialah kedua-dua pihak mendapat faedah. Jika kita memiskinkan orang lain, kita sebenarnya memiskinkan diri sendiri," katanya.

(END)